



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Kami merupakan organisasi pemungut cukai yang terulung sedang mencari individu yang professional, dinamik, kreatif dan bermotivasi untuk menyertai kami

TARIKH IKLAN: 04 Februari 2019

JAWATAN

PENOLONG PEGAWAI EKSEKUTIF (KESETIAUSAHAAN) GRED 31 - TETAP

KELAYAKAN MEMOHON

Memiliki Diploma Pengurusan & Teknologi Pejabat / Diploma yang diiktiraf oleh kerajaan / kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya;

ATAU

Memiliki kelayakan tertinggi sehingga Ijazah Sarjana Muda sahaja **DAN** mempunyai Diploma yang diiktiraf oleh kerajaan dibenarkan untuk memohon jawatan ini menggunakan kelayakan Diploma;

DAN

Memiliki Purata Nilai Gred Terkumpul (CGPA) sekurang-kurangnya 2.70 dan ke atas bagi Diploma berkenaan;

DAN

Kepujian Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan), Bahasa Inggeris dan Matematik pada peringkat **Sijil Pelajaran Malaysia** atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

KELAYAKAN TAMBAHAN YANG DIPERLUKAN

- Semua pemohon mestilah Warganegara Malaysia berumur dalam lingkungan tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan.
- **Sekurang-kurangnya 3 tahun pengalaman sebagai Setiausaha.**
- Boleh bekerja mengikut jadual kerja yang fleksibel.
- Keutamaan diberi kepada calon yang cekap dan berkebolehan dalam Bahasa Inggeris.

BIDANG TUGAS

BERSAMA MEMBANGUN NEGARA

- Menyelaras dan membantu aktiviti / jadual harian di pejabat pegawai Kumpulan Pengurusan;
- Penjadualan dan menyusun mesyuarat-mesyuarat utama dan persidangan apabila dikehendaki;
- Menyediakan dokumen sulit dan sensitif;
- Memberi perkhidmatan kesetiausahaan kepada pegawai Kumpulan Pengurusan seperti menaip, menyediakan surat-menyurat, laporan dan pengurusan fail;
- Memastikan semua keperluan rasmi pegawai Kumpulan Pengurusan dikendalikan secara cekap dan berkualiti tinggi serta mengawal selia jadual kerja supaya teratur;
- Menjawab, menapis dan membuat panggilan telefon untuk pegawai Kumpulan Pengurusan; dan
- Menjalankan lain-lain tugas yang diarahkan oleh pegawai atasan.

KRITERIA YANG DIPERLUKAN

- Berdaya saing, pemikiran kreatif, dinamik serta matang.
- Bertanggungjawab, proaktif, daya inisiatif yang tinggi dan kemahiran interpersonal yang baik.
- Kebolehan bekerja secara berkumpulan, kemahiran komunikasi yang baik dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris.

GAJI

RM2,528.00 - RM0.00

CARA MEMOHON

- Permohonan jawatan hanya diterima melalui *online* sahaja.
- Permohonan hendaklah dibuat melalui sistem yang boleh dicapai melalui URL: <https://career.hasil.gov.my/>
- **Permohonan tidak perlu dicetak / dipos ke LHDNM.**

MAKLUMAT TEMUDUGA

Nama calon yang berjaya dipanggil menghadiri temu duga **akan dimaklumkan di Portal Rasmi LHDNM (ruangan "Kerjaya")**. Keputusan adalah **muktamad**.

Calon yang **tidak dihubungi dalam tempoh 45 hari** daripada tarikh tutup iklan, adalah **dianggap tidak berjaya**.

Sekiranya memerlukan penjelasan lanjut, sila emelkan pertanyaan ke alamat: kerjaya@hasil.gov.my

TARIKH TUTUP PERMOHONAN

15 Februari 2019

BERSAMA MEMBANGUN NEGARA

NOTA